

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD
BIN HAMZAH [JASIN]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 36

YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan status perumahan di bawah PR1MA dan SPNB seperti pada 30 September 2017:

- (a) jumlah rumah yang dirancang dan bilangan rumah yang sudah siap dibina dan telah diserahkan kepada pembeli; dan
- (b) bilangan rumah yang sudah siap dibina tetapi belum diserahkan kepada pembeli dan bilangan rumah yang sedang dibina dan tarikh ianya dijangka siap dan baki bilangan rumah yang akan dibina dan tarikh ianya dijangka siap.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 261,248 unit kediaman di seluruh negara. Jumlah ini akan sentiasa meningkat mengikut kekerapan mesyuarat tersebut. Daripada jumlah itu, sebanyak 141,661 unit sedang berada dalam fasa pembinaan manakala jumlah selebihnya dalam peringkat perancangan. Tarikh siap bagi setiap projek adalah berbeza antara satu sama lain. Secara amnya kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk dibina manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Alhamdulillah kini sebanyak 10,199 unit kediaman telah pun siap dibina iaitu di negeri Kedah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Jumlah ini adalah mengikut perancangan dan dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa.

Sebanyak 50,175 unit telah melalui proses cabutan undi dimana 25,737 sedang melalui proses penyerahan pemilikan kosong kepada pembeli.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah status pencapaian keseluruhan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berdasarkan 3 program perumahan di atas di seluruh negara bermula daripada tahun 2002 sehingga 30 September 2017.

PELAKSANAAN PERUMAHAN SPNB DI SELURUH NEGARA SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017				
PROGRAM	SIAP	BINA	RANCANG	JUMLAH
Rumah Aspirasi Rakyat (RAR)	24,113	5,706	34,480	64,299
Rumah Idaman Rakyat (RIR)	104	1,361	8,199	9,664
Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)	39,395	5,857	14,577	59,829

JADUAL 1

Kesemua Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat yang **siap dibina dan telah dijual** di seluruh negara iaitu masing-masing berjumlah 23,630 unit dan 92 unit telah diserahkan kepada pembeli. Manakala, Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat yang **siap dibina dan belum dijual** diseluruh negara masing-masing berjumlah 197 unit dan 12 unit belum diserahkan kepada pembeli.

Berikut adalah jumlah unit Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat yang sedang dibina (Jadual 2).

Jumlah unit Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat yang sedang dibina				
State	Aspirasi Rakyat	Idaman Rakyat	Total	Total
Terengganu			229	229
Kelantan	467			467
Pahang	312	472		784
Perak		102	139	241
Kedah		648		648
Selangor		1224	1168	2392
Melaka		726		726
Johor			260	260
Sabah		531		531
Sarawak		789		789

JADUAL 2

Berikut adalah jumlah unit Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat yang sedang dalam perancangan (Jadual 3).

NEGERI	2008
Terengganu	2134
Kelantan	5762
Pahang	3768
Perak	2692
P.Pinang	66
Kedah	4431
Selangor	4731
Negeri Sembilan	2377
Melaka	1874
Johor	4987
Kuala Lumpur	4755
Sabah	2106
Sarawak	2504
Labuan	492

JADUAL 3

Berikut adalah status pelaksanaan program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di seluruh negara. (Jadual 4)

TERENGGANU	11,468	5,711	772	225	3,106	1,654
KELANTAN	11,135	5,595	1,138	44	3,094	1,264
PAHANG	9,504	3,406	193	457	2,912	2,536
PERAK	9,462	4,406	831	52	3,554	619
P. PINANG	953	357	104	10	390	92
KEDAH	9,279	4,836	354	215	2,704	1,170
PERLIS	2,233	933	205	77	641	377
SELANGOR	4,938	1,901	251	27	2,288	471
NEGERI SEMBILAN	6,702	2,926	594	72	2,314	796
MELAKA	4,349	1,978	235	16	1,281	839
JOHOR	11,597	5,304	888	260	4,076	1,069
WPKL	45	20	0	1	24	0
SABAH	3,104	978	82	54	1,558	432
SARAWAK	4,384	1,002	207	529	1,457	1,189
LABUAN	245	39	3	3	174	26
W.P PUTRAJAYA	7	3	0	0	3	1

JADUAL 4

Sekian. Terima kasih.